

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN KEMPEN DAN SEMINAR KESIHATAN IBU DAN ANAK
Lokasi : DEWAN MUKTAMAR, PUSAT ISLAM, KUALA LUMPUR
Tarikh : 04-06-1987

Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul dan bertemu-mesra di majlis yang sungguh bermakna ini. Majlis ini diadakan dalam rangka menggerakkan segala usaha dan tenaga kita bagi kepentingan masyarakat dan rakyat di negara ini, khususnya dalam meningkatkan lagi taraf kesihatan yang merupakan salah satu perkara terpenting dalam kehidupan manusia. Amalan menjaga kesihatan adalah tuntutan Islam. Oleh kerana itu ajaran Islam mengandungi perintah-perintah mengenai penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit supaya umat Islam dapat menjadi umat yang sihat serta dapat menyempurnakan amal-ibadah sepertimana yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wataala.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Tahap kesedaran mengenai pentingnya penjagaan kesihatan di kalangan rakyat di negara ini, khususnya umat Islam di kawasan luar bandar masih lagi rendah. Satu implikasi daripada keadaan sedemikian ialah kadar kematian bayi dan ibu-ibu yang melahirkan anak yang masih lagi tinggi. Ini berlaku disebabkan beberapa faktor, di antaranya ialah masalah sikap sebahagian daripada masyarakat Islam yang enggan menerima perkhidmatan perubatan moden yang kononnya dikatakan bercanggah dengan tuntutan Islam, dan juga disebabkan mereka masih berpegang teguh kepada berbagai adat, tradisi, serta pantang larang dan kepercayaan-kepercayaan tertentu. Di samping itu, ramai juga yang beranggapan bahawa kesihatan tidak ada hubungannya dengan tuntutan agama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Jika diteliti secara mendalam terhadap ajaran Islam mengenai soal kesihatan, maka terdapat lima prinsip penting mengenai perintah penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit. Prinsip-prinsip tersebut ialah:- Pertama: Perintah berhubung dengan penjagaan kesihatan dan kebersihan environment, termasuk kebersihan anggota badan, kebersihan pakaian, kebersihan makanan dan minuman, kebersihan jalan raya, tempat tinggal, bandar-bandar dan kebersihan sumber air seperti sungai-sungai dan telaga.

Kedua: Perintah berhubung dengan pencegahan penyakit-penyakit yang menular, tidak memasuki kawasan wabak penyakit dan tidak melarikan diri daripadanya, pembersihan tangan sebelum dan sesudah menemui pesakit dan menggunakan ubat dan suntikan untuk pencegahan penyakit dan rawatan.

Ketiga: Perintah berhubung dengan soal makanan. Islam mengharamkan makanan dan minuman yang membahayakan kesihatan mental dan fizikal.

Keempat: Galakan mengadakan latihan-latihan jasmani (riyadzah) seperti permainan-permainan sukan, gusti, menunggang kuda, berenang, memanah dan sebagainya.

Kelima: Perintah berhubung dengan pemeliharaan kebersihan alam sekeliling daripada sebarang pencemaran dan kerosakan yang boleh membahayakan kesihatan.

4. Berdasarkan kepada perintah-perintah di atas adalah jelas bahawa masalah penjagaan kesihatan dan kebersihan adalah termasuk dalam langkah-langkah untuk memelihara kesucian agama dengan pengertian bahawa kesihatan agama merupakan sebahagian daripada kesihatan jasmani, manakala langkah mencegah penyakit daripada menimpa masyarakat Islam adalah merupakan perlindungan

agama.

5. Ajaran Islam amat menitik-beratkan soal pencegahan penyakit. Setiap penyakit yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala ada ubatnya. Bagaimana hendak mengubati sesuatu penyakit pula terpulanglah kepada usaha dan ikhtiar manusia itu sendiri. Sebagai contohnya, semasa Rasulullah s.a.w. sakit, Baginda tidak mengubati dirinya sendiri, tetapi meminta orang lain untuk merawatnya serta menentukan ubat-ubat yang akan digunakan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa setiap umat Islam hendaklah sentiasa berusaha menghindarkan diri daripada ditimpa sebarang penyakit, di mana cara-cara pencegahan penyakit adalah merupakan sebahagian daripada kaedah umum yang tetap dan sesuai untuk semua zaman dan tempat. Tetapi proses rawatan adalah sentiasa berubah mengikut penemuan perubatan-perubatan baru dan moden oleh kerana ajaran Islam tidak membelenggu umatnya dengan rawatan-rawatan tertentu yang mesti dituruti di semua zaman, malah zaman, malah sebaliknya Islam sentiasa menggesa umatnya supaya mempunyai fikiran yang terbuka serta bijak menyesuaikan diri selaras dengan tuntutan Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Dengan ini adalah jelas betapa penting menjaga kesihatan sepertimana yang dituntut oleh ajaran agama. Oleh itu adalah diharapkan Seminar Kesihatan Ibu dan Anak daripada kaca mata Islam yang pertama kali diadakan ini akan dapat merumuskan keputusan-keputusan yang berkesan, dan lebih penting lagi tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil khususnya dalam menimbulkan kefahaman serta kesedaran di kalangan rakyat, terutama yang tinggal di luar bandar mengenai penjagaan kebersihan dan kesihatan sepertimana yang dituntut oleh ajaran agama Islam.

7. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Kempen dan Seminar Kesihatan Ibu dan Anak.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.